

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [SETIU]

TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah Kementerian dalam mengawal penipuan melalui tawaran atau promosi jualan murah secara online yang dilihat merugikan dan mengelirukan pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagai Kerajaan yang perihatin dan serius di dalam menangani kes penipuan atas talian (*online*), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa mengambil usaha dan langkah untuk membendung gejala penipuan melalui tawaran atau jualan murah secara atas talian (*online*).

Selain menguatkuasakan peraturan-peraturan Jualan Murah melalui pemeriksaan secara berterusan di premis-premis perniagaan, pihak Kementerian juga menjalankan penguatkuasaan pematuhan peraturan Jualan Murah secara atas talian. Langkah penguatkuasaan yang diambil adalah melalui pemantauan ke atas mana-mana entiti perniagaan yang menawarkan Jualan Murah di dalam laman web / blog / media sosial dan mana-mana media di internet.

Pemantauan atas talian ini dilakukan dari semasa ke semasa untuk memastikan semua entiti perniagaan atas talian yang menawarkan Jualan Murah mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1997.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN
DARIPADA NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai sekolah-sekolah di Pulau Pinang yang menawarkan kelas khas untuk murid kurang upaya. Jumlah bantuan yang diberikan untuk sekolah-sekolah ini untuk tahun 2010-2015.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan peluang pendidikan bagi murid pendidikan khas (MBK) di sekolah harian biasa dengan mewujudkan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Pemantapan Program Pendidikan Inklusif (PPI) yang dilaksanakan pada tahun 2014 akan memberi peluang bagi MBK berkefungsian tinggi belajar bersama rakannya yang lain di kelas biasa di sekolah harian biasa. Bagi negeri Pulau Pinang sebanyak 263 sekolah yang melaksanakan PPI. Berdasarkan data pada Oktober 2014, terdapat 38 buah sekolah rendah dan 18 buah sekolah menengah yang menawarkan PPKI di Pulau Pinang.

KPM menyediakan bantuan seperti bantuan makanan asrama dan insentif kewangan elaun murid cacat (EMK) pada setiap tahun. Selain daripada itu KPM juga menyediakan peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan kecil dan perolehan aset, tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' SERI REEZAL MERICAN
BIN NAINA MERICAN**

KAWASAN : KEPALA BATAS

NO. SOALAN : 35

YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [KEPALA BATAS] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan senarai 10 kawasan hab halal paling aktif di Malaysia (mencatatkan angka pelaburan dan usaha ekonomi yang positif sepanjang 5 tahun yang lalu).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global pada tahun 2020. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Kemajuan Industri Halal (HDC) pada 18 September 2006 untuk menerajui pembangunan industri halal secara komprehensif. Antara lain, HDC telah

bertanggungjawab untuk menyelaraskan pembangunan taman-taman halal di Malaysia. Setakat ini, terdapat 21 taman halal di seluruh negara dan sebanyak 13 taman halal telah menerima status HALMAS dari HDC bagi melayakkan pengendali taman halal, peserta industri dan pengendali lojistik menikmati insentif dan galakan cukai.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat lapan (8) daripada 13 taman halal yang telah dianugerahkan status HALMAS bergerak aktif dalam menjalankan operasi perniagaan. Taman-taman Halal tersebut ialah:

- (i) Techpark@enstek di Nilai, Negeri Sembilan
Jumlah Pelaburan : RM2 bilion
Jumlah Syarikat : 23
Jumlah Pekerjaan : 1,761 pekerja

- (ii) Selangor Halal Hub di Pulau Indah, Selangor
Jumlah Pelaburan : RM1.8 bilion
Jumlah Syarikat : 20
Jumlah Pekerjaan : 1,339 pekerja

- (iii) Tanjung Manis Halal Food Park
Jumlah Pelaburan : RM1.8 bilion
Jumlah Syarikat : 6
Jumlah Pekerjaan : 245 pekerja

- (iv) POIC Tanjung Langsat

- Jumlah Pelaburan : RM1.1 bilion
Jumlah Syarikat : 10
Jumlah Pekerjaan : 330 pekerja
- (v) Penang International Halal Park
Jumlah Pelaburan : RM0.4 bilion
Jumlah Syarikat : 8
Jumlah Pekerjaan : 1,069 pekerja
- (vi) PKFZ National Halal Park
Jumlah Pelaburan : RM0.6 bilion
Jumlah Syarikat : 8
Jumlah Pekerjaan : 228 pekerja
- (vii) Melaka Halal Park
Jumlah Pelaburan : RM0.1 bilion
Jumlah Syarikat : 43
Jumlah Pekerjaan : 301 pekerja
- (viii) Pedas Halal Park
Jumlah Pelaburan : RM0.2 bilion
Jumlah Syarikat : 3
Jumlah Pekerjaan : 120 pekerja